

Projek NFC akan ditender - Noh Omar

KUALA LUMPUR 27 Mac - Kerajaan akan membuka tender bagi membolehkan mana-mana syarikat baru mengambil alih projek ternakan lembu daging, Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar (**gambar**) berkata, langkah itu diambil kerana pihaknya serius untuk memastikan projek NFC berjalan lancar selepas timbul kontroversi baru-baru ini.



"Kita telah melantik juruaudit bebas kerana kita serius untuk teruskan projek ini. Kita juga dalam proses yang kedua, iaitu untuk membuka tender agar ia dapat diteruskan syarikat yang berminat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbincangan peringkat kementerian itu di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Projek NFC yang terletak di Gemas, Negeri Sembilan, buat masa ini masih diurus National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFCorp) walaupun timbul kontroversi mengenai dakwaan penyelewengan.

Noh berkata, kerajaan tidak mempunyai sebarang mekanisme untuk menyiasat akuan serta perbelanjaan sesebuah syarikat bagi memastikan dana yang diberi tidak disalah guna.

"Kalau nak suruh saya semak akaun syarikat, ia di luar bidang kuasa saya, biar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang siasat perkara itu," katanya.